

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
KELANTAN

AZNITA BINTI ABD GHANI

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kapada
JABATAN EKOLOGI DAN SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

2006

1100045545

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 8 FPE 2 2006



A circular red stamp with the text "Universiti Malaysia Sabah" at the top, "Sains dan Teknologi" at the bottom, "Kolej Universiti" on the left, "Petroleum Engineering" in the center, and "Malaysia" on the right.

1100045545
Laporan akhir latihan industri di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan / Aznita Abd Ghani.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

i100045545

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Disediakan oleh:

**AZNITA BINTI ABD GHANI
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**


**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN
KEPADА**

**JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA
2006**

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Aznita Binti Abd Ghani mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



Nama : Aznita Bt Abd Ghani

Tarikh : 29 OKTOBER 2006

Disahkan oleh :



Penyelia KUSTEM

b/p Pengurus Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM



PENGHARGAAN

Selesai sudah tempoh Latihan Industri yang saya jalani selama 12 minggu bertempat di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan di mana, saya dengan jayanya selamat menyempurnakan salah satu prasyarat penting bagi pengijazahan kursus Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial). Latihan Industri merupakan suatu aspek yang sangat penting dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, SUK Kelantan yang selama masa saya menjalani Latihan Industri di situ banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya. Kesempatan menjalani Latihan Industri di situ tidak akan saya lepaskan untuk menimba ilmu tentang pengurusan sumber manusia di sebuah agensi kerajaan yang berkepentingan dalam mentadbir sesbuah negeri sebenar dari segi spesifikasi kerjanya. Dengan kerjasama dan tunjuk ajar yang diberikan kepada saya selama ini telah banyak membantu saya dalam merealisasikan impian saya untuk menamatkan sesi Latihan Industri ini dengan jayanya.



Di sini, saya juga ingin mengucapkan penghargaan yang tinggi kepada **En Ruslan Bin Ludin** selaku Penyelia organisasi saya yang banyak bersusah payah membantu di dalam urusan berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Sepanjang tempoh 12 minggu itu beliau telah banyak memberi input yang bernilai kepada saya sebagai pelajar polisi awam yang boleh dikatakan wajib mengetahui hal-hal berkaitan dengan pentadbiran awam. Tidak dapat dinafikan bahawa bahagian Pengurusan Sumber Manusia sering menjadi tumpuan orang ramai khususnya pegawai-pegawai awam dari pelbagai organisasi dalam menguruskan hal-hal berkaitan peperiksaan awam, cuti, penced, latihan dan item-item sumber manusia yang lain.

Selain itu, jutaan terima kasih juga kepada pihak tenaga pengajar FPE, KUSTEM terutamanya **En Syahrin Bin Said** selaku Urusetia Program S.M.P (Polisi & Sekitaran Sosial) yang juga selaku penyelaras Latihan Industri saya kerana memberi peluang kepada saya menyempurnakan Latihan Industri ini dengan baik. Segala penerangan dan tunjuk ajar yang diberikan selama ini amat saya hargai.

Kerjasama dan bimbingan yang diberikan oleh semua pihak tidak akan saya lupakan. Terima Kasih.



RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri merupakan satu pendedahan baru kepada pelajar dalam menempuh alam pekerjaan yang sebenar. Latihan ini penting kepada pelajar kerana bagi saya, pendedahan yang diberikan adalah satu peluang di mana kita akan dapat mempraktikkan segala teori yang telah dipelajari semasa belajar dan ditonjolkan semasa menjalani praktikal. Sepanjang tempoh tiga bulan saya menjalani latihan praktikal di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, banyak perkara baru yang saya pelajari antaranya kita akan dapat mendedahkan diri kita kepada suasana pekerjaan yang sebenar di mana kita akan dapat mengetahui bagaimana ses sebuah organisasi itu berfungsi. Selain itu, kita juga dapat menimba ilmu pengetahuan mengenai selok-belok pengurusan dan pentadbiran kerajaan. Tambahan lagi, secara tidak langsung kita akan memperolehi ramai kenalan dan ini dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama manusia. Saya juga turut didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh organisasi seperti pengalaman menjadi pengawas peperiksaan untuk peperiksaan bagi jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik, mengemaskini pemarkahan, membuat Fail Meja bagi jawatan-jawatan penting dan sebagainya. Selain itu juga saya mendapat pengalaman seolah-olah seorang pekerja apabila diberi hak-hak seperti pekerja-pekerja yang lain seperti diberi kad pelepasan masuk, menyertai aktiviti riadah yang dianjurkan seperti senaman aerobik, dan lain-lain lagi. Sepanjang tinjauan yang saya lakukan, saya dapat membuat analisis SWOT yang berkisarkan tentang kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman. Terdapat beberapa sistem yang telah saya jalani seperti merekod butir-butir pekerja ke dalam SISPEN, membuat kertas kerja dan urusan persuratan dan mengenalpasti pemarkahan. Saya juga telah membuat beberapa pengenalpastian masalah yang berlaku sepanjang menjalani latihan industri seperti arahan kerja yang tidak jelas, masalah komunikasi, penerangan hanya berdasarkan teori dan kecaburan tentang bidang tugas dan fungsi sesuatu unit. Pada keseluruhannya pengalaman menjalani latihan industri di sini banyak mematangkan saya dan membuat penyediaan yang khusus bagi menempatkan diri di lapangan pekerjaan pada masa akan datang.